



## جابتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

### Soalan :

Soalan tentang siwak

Kalau kita buat solat sunat sebelum zohor 2 rakaat, solat zohor dan solat sunat selepas zohor 2 rakaat. Adakah kita perlu bersiwak 3 kali iaitu untuk solat sebelum zohor, solat zohor dan solat selepas zohor atau cukup pada permulaan solat 2 rakaat sebelum sahaja untuk mendapat fadilat bersiwak?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

### Jawapan :

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah ﷻ, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad ﷺ beserta keluarga dan sahabatnya ﷺ, dan mereka-mereka yang mengikut segala sunnah Nabi Muhammad ﷺ sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Daripada Abu Hurairah ﷺ, bahwasanya Rasulullah ﷺ bersabda:

"لَوْلَا أَنْ أَشَقَّ عَلَى أُمَّتِي أَوْ عَلَى النَّاسِ لَأَمَرْتُهُمْ بِالسَّوَالِكِ مَعَ كُلِّ صَلَاةٍ"

Maksudnya: “Kalaulah tidak menyusahkan umatku nescaya aku akan perintahkan mereka bersiwak pada setiap sembahyang”. (Riwayat al-Imam al-Bukhari)

"قَالَ الشَّافِعِيُّ فِيهِ دَلِيلٌ عَلَى أَنَّ السِّوَاكَ لَيْسَ بِوَاجِبٍ لِأَنَّهُ لَوْ كَانَ وَاجِبًا لَأَمَرَهُمْ شَقَّ عَلَيْهِمْ بِهِ أَوْ لَمْ يَشُقِّ لَهُمْ وَإِلَى الْقَوْلِ بَعْدَ وَجُوبِهِ صَارَ أَكْثَرُ أَهْلِ الْعِلْمِ"

Bermaksud : “Berkata Imam Syafie رحمته الله hadis tersebut menyatakan bahawa siwak sebelum solat tidak wajib kerana sekiranya hukumnya wajib nescaya Baginda ﷺ tetap menyuruh umatnya bersugi sama ada menyusahkan atau tidak menyusahkan mereka. Kebanyakan ulama berpegang pendapat tersebut ” ( Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari (2/375).

Oleh itu, bersiwak hukumnya sunat yang disukai ( مُسْتَحَب ) setiap kali sebelum solat fardhu mahupun nawafil (sunat). (Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari (2/376).

Matan hadis "kalaulah tidak menyusahkan umatku " menunjukkan ianya perkara sunat yang disukai (مُسْتَحَب) kerana kelebihan dapat menghilangkan bau mulut serta sentiasa bersih ketika hendak bermunajat kepada Allah. Antara sunat-sunat hari jumaat ialah berwangi-wangian, memakai pakaian yang terbaik termasuklah amalan bersiwak (Syarh Sahih al-Bukhari Ibn Battal (2/486).

Seterusnya, hadis tersebut menunjukkan bersiwak disunatkan sebelum solat. Maka fuqaha mazhab membahaskan waktu disunatkan bersiwak berdasarkan kalimah dalam hadis (بِالسِّوَاكِ مَعَ كُلِّ صَلَاةٍ) seperti berikut :

- Mazhab Hanafi berpandangan bahawa sunat bersiwak setiap kali wuduk ketika berkumur-kumur
- Mazhab Maliki berpandangan bahawa bersiwak merupakan kelebihan wuduk yang dilakukan sebelum berkumur-kumur
- Mazhab Syafie dan Hanbali sependapat menyatakan siwak sunat yang disukai (مُسْتَحَب) iaitu sebelum kumur-kumur selepas basuh tangan. (al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu (1/301).

Walaubagaimanapun, bersiwak tidak terikat pada waktu tertentu mahupun keadaan bahkan pada bila-bila masa. Sementara waktu bersiwak yang sangat digalakan kepada setiap muslim adalah ketika ingin mendirikan solat, ketika sedang berwuduk, ketika ingin membaca al-Quran, ketika gigi berubah kekuningan mahupun ketika berubah berbau busuk kerana makan sesuatu atau mulut berbau kerana meninggalkan makanan mahupun terlalu lama berdiam diri dan ketika bangun tidur. (al-Mu'tamad fi Fiqh al-Syafie (1/60)

Maka kami berpandangan berdasarkan ulasan diatas, jawapannya adalah “ya” disunatkan bahkan mendapat fadilat siwak yang dianjurkan oleh Rasulullah ﷺ. Ini kerana antara faedah siwak ialah membersihkan mulut, memutihkan gigi, menghilangkan bau, mengukuhkan gusi, kesegaran mulut, menajamkan penglihatan, kecergsan fikiran, membersihkan hati dan dikurniakan kelancaran lidah melafazkan syahadah ketika menghadapi kematian. Bersiwak termasuk dalam sunat fitrah dalam agama kerana membersihkan mulut membawa keredhaanNya. (al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu (1/300).

Ini dikukuhkan lagi dengan satu hadis riwayat daripada Saiyidatina ‘Aisyah رضي الله عنها, Rasulullah ﷺ bersabda:

"السِّوَالُ مَطْهَرَةٌ لِلْفَمِ وَمَرْضَاءَةٌ لِلرَّبِّ"

Maksudnya: “Siwak itu menyucikan mulut dan mendatangkan keredhaan Tuhan.”

(Riwayat Nasa’ie, 4)

Antara hikmah bersiwak yang dinukilkan oleh Imam Hajar ‘Asqalani dalam kitab *Fath al-Bari*:

"قَالَ ابْنُ دَقِيقِ الْعَيْدِ: الْحِكْمَةُ فِي اسْتِحْبَابِ السِّوَالِ عِنْدَ الْقِيَامِ إِلَى الصَّلَاةِ كَوْنَهَا حَالًا تَقَرُّبٌ إِلَى اللَّهِ فَأَقْتَضَى أَنْ تَكُونَ حَالًا كَمَالٍ وَنِظَافَةٍ إِظْهَارًا لِشَرَفِ الْعِبَادَةِ"

“Berkata Ibn Daqiq al-‘Eid: Hikmah disunatkan bersiwak sewaktu mendirikan solat kerana waktu solat merupakan waktu mendekatkan diri kepada Allah, maka seseorang perlu dalam keadaan sempurna dan bersih untuk mezhahirkan kemuliaan ibadah. (Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari (2/376).

Rujukan :

1. Ibnu Hajar al Asqalaniyy: Fath al Bari Syarh Sahih al Bukhari
2. Al Imam al Nasa'ie: Sunan al Nasa'ie
3. Muhammad al- Zuhayly: al Muktamad fi Fiqh al syafiey
4. Wahbah al- Zuhayly: Fiqh al-Islamy wa adillatuh